

## **FALSAFAH CERITA DAN MAKNANYA YANG TERSIRAT PADA BATU MEGALITIK DI LUAK TANAH MENGANDUNG**

*(THE PHILOSOPHY OF THE STORY AND ITS IMPLICIT MEANING IN  
THE MEGALITHIC STONE IN LUAK TANAH MENGANDUNG)*

**Mohd Rosli Saludin & Farah Damayanty Ahmad**

### **Abstrak**

---

Kajian ini memfokuskan tentang falsafah cerita dan maknanya yang tersirat pada batu megalitik yang banyak terdapat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Luak Tanah Mengandung itu meliputi Ulu Muar, Jempol, Terachi, Inas dan Gunung Pasir. Teori yang digunakan ialah teori Teksdealisme yang menekankan prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keunggulan. Teori ini dipopularkan oleh Mana Sikana. Kajian ini menggunakan bahan bertulis di perpustakaan sama ada buku, jurnal atau kertas kerja seminar dan sebagainya. Objektif kajiannya adalah mengkaji falsafah cerita dan maknanya di sebalik batu megalitik di Luak Tanah Mengandung, mengenal pasti pengaruh falsafah cerita dan maknanya pada batu megalitik terhadap adat, budaya dan warisan masyarakat Luak Tanah Mengandung dan mencadangkan usaha untuk melestarikan batu megalitik supaya ianya kekal sepanjang zaman. Cerita dan makna yang dianalisis adalah kisah sejarah, adat, budaya dan warisan yang terdapat di sebalik wujudnya batu megalitik yang diceritakan. Juga dianalisis falsafah cerita dan maknanya yang terdapat melalui tokoh terpilih yang banyak menyimpan cerita batu ini. Adalah didapati bahawa masyarakat akan turut memelihara batu tersebut jika ia tahu cerita dan makna di sebalik batu ini yang boleh dijadikan sebagai lambang kemegahan dan juga jati diri. Kajian ini juga boleh menjadi suatu panduan kepada semua pihak bahawa batu tersebut akan sentiasa terjaga jika masyarakat tahu sejarah, budaya dan warisan batu itu.

---

**Kata kunci:** Falsafah cerita, maknanya yang tersirat, batu megalitik, Luak Tanah Mengandung

### **Abstract**

---

*This study focuses on the philosophy of the story and its implicit meaning in the megalithic rocks that are abundant in Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, that covers an area of Ulu Muar, Jempol, Terachi, Inas and Gunung Pasir. The theory of "Teksdealisme", which Mana Sikana popularized, was applied, emphasizing the principles of presence, collision, reinforcement and superiority. This study uses written materials in the library such as books, journals or seminar papers. The study's objective is to understand the philosophy of the story and the meaning behind the megalith in Luak Tanah Mengandung. It also aims to identify the influence of the philosophy of the story and meaning of the megalith on the customs, culture and heritage of the Luak Tanah Mengandung community and suggest efforts for the conservation and preservation of the megalith. The stories and meanings analyzed are the history, customs, culture, and heritage behind the narrative of*

*megalithic rocks. On the other hand, the study also analyzed the narration by selected local figures to understand the story behind these megaliths. It was realized that the community would preserve the stone if they knew and understood its significance, symbolizing pride and identity. This study can also guide all parties that the stone will always be preserved if the community knows the history, culture and heritage.*

---

**Keywords:** *Philosophy of the story, its implied meaning, megalith, Luak Tanah Mengandung*

## PENGENALAN

Dalam penyelidikan ini pengkaji menggunakan teori teksdealisme untuk menyelidiki tentang falsafah cerita dan makna yang tersirat pada batu megalitik yang terdapat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan yang meliputi Luak Ulu Muar, Jempol, Terachi, Inas dan Gunung Pasir. Kajian menggunakan teori ini terhadap batu megalitik belum pernah dibuat dan sudah pasti hasilnya nanti adalah menarik. Selama ini teori teksdealisme banyak difokuskan kepada bahan-bahan sastera sahaja. Pengkaji ingin membuktikan bahawa teori ini boleh juga menyilang kepada bahan-bahan lain selain sastera. Teori teksdealisme lahir daripada pengasasnya (Mana Sikana) pada tahun 1993-1995 yang sentiasa menulis tentang sastera rentetan permintaan Johan Jaafar di *Utusan Melayu*. Kelembapan perkembangan sastera turut mendorong Mana Sikana (2001:5) memerah idea dalam membina teori teksdealisme ini.

Merujuk Mana Sikana;

“Situasi sastera kita dalam keadaan lembab. Tidak banyak berubah. Sukar untuk mencari teks konon. Tidak ramai yang sampai ke taraf unggul. Sastera kita tidak pernah menjejak kaki ke daerah internasional. Segala keperihalan keadaan ini, membuat saya terfikir untuk mencari ubatnya. Sastera kita memerlukan suatu proses rawatan, tidak sahaja untuk menyembuhkannya, juga menjadi kuat, kukuh dan berhayat. Maka teori teksdealisme ini dicipta sebagai usaha pembinasaan kelembapan ke arah dinamika dan maju. Namanya pun diambil daripada kata ideal, unggul, diharapkan ia dapat melahirkan teks, pengarang dan khalayak yang idealistik”.

Berikutnya, teori teksdealisme telah diturunkan oleh Mana Sikana secara tidak langsung semasa menelaah, membaca dan menulis “*Tentang Jebat*” pada 18 September 1993, “*Mengukuhkan Teks Sastera*”, pada 25 September 1993 dan “*Prinsip Keperibadian Pengarang*” pada 2 Oktober 1993. Ketiga-tiga tulisan merujuk Mana Sikana (2008: 47) sebenarnya sebuah rencana yang dipinggalkan, perbicaraannya berhubung dengan konsep, dasar dan prinsip kritikan teksdealisme. Sememangnya, khalayak tidak sedar akan teksdealisme sebagai satu teori yang baru dibina. Tambah Mana Sikana (2008), menyediakan teori tidak semudah ditulis dan tertulis sebaliknya perlu mengalami suatu proses. Baginya, keinginan untuk menghasilkan teori tumbuh dalam pelbagai peringkat dan dimensi

Akhirnya, pada 1996 kesemua tulisan dan kertas kerja yang telah ditulis telah diterbitkan oleh Mana Sikana dalam sebuah buku “*Teori Sastera Teksdealisme*”. Teori teksdealisme atau teori keunggulan mendefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang dalamnya terkandung makna berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya (Mana Sikana 2006: 87). Disimpulkan bahawa, teksdealisme membawa makna teks yang unggul. Teks yang unggul bermaksud teks yang mempunyai nilai dan mutu yang tinggi. Oleh sebab itu, teori teksdealisme juga dihuraikan sebagai teori keunggulan.

Menyelami pemikiran Mana Sikana (1996:75), teori teksdealisme ini berasaskan falsafah bahawa dalam diri setiap pengarang tertanamnya hasrat dan cita-cita untuk menghasilkan karya yang unggul sekali gus meletakkan teks dan dirinya pada tahap keunggulan. Tambah Mana Sikana (1996:79), teks yang unggul mempunyai struktur yang unggul iaitu pengarang melakukan perubahan dan pada masa yang sama mengekalkan konvensi. Pada tahap itu, seseorang pengarang dituntut sifat keberanian dan kebijaksanaan dalam berkarya.


Dalam teori teksdealisme, mengkaji struktur unggul bermaksud menggali dan meneliti unsur-unsur keberanian, kebijaksanaan, keluar biasaan dan pembaharuan yang dilakukan pengarang (Mana Sikana 1996:68). Lapangan falsafah teori teksdealisme menyarankan agar setiap pengarang berhasrat untuk mencapai tahap keunggulan dalam teksnya. Melarik usahanya dalam menghasilkan sebuah teks yang unggul, seseorang pengarang harus memiliki sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian pengarang ini merupakan usaha berani dalam mengemukakan kepada khalayak idea dan pemikiran baharu. Manakala, kebijaksanaan pula terhasil daripada sifat yang mendorong pengarang menjarah fungsi teks dengan penuh kesedaran dan bergerak dalam landasan kelimuan. Teks-teks yang dihasilkan tidak akan mencapai keunggulannya seandainya sifat keberanian dan kebijaksanaan itu tidak dimiliki oleh pengarangnya. Ternyata teks tersebut hanya akan bergerak dalam lingkungan tradisinya dan dianggap sebagai teks yang biasa-biasa sahaja.

Keunggulan merujuk Mana Sikana (2006) bererti teks tersebut mempunyai sifat-sifat keunggulannya yang tersendiri. Pengalaman menjelaskan suatu bentuk sumber kehadiran yang mendatangkan idea kepada pengarang dalam mencipta teks yang baharu dari semasa ke semasa. Kehadiran pengalaman memuncakkan suatu proses yang berterusan tanpa terhad pada suatu tempat, masa dan keadaan. Kehadiran pengalaman dalam diri seseorang pengarang mencipta suatu kelebihan kerana antara pengarang yang berpengalaman dengan pengarang yang kurang berpengalaman mempunyai perbezaan dalam penghasilan teks karya.

Dalam pada itu, di samping melihat keunggulan pengarang dalam berkarya, teori ini turut memberi tumpuan kepada melahirkan khalayak yang unggul. Sepanjang keberadaan teks itu berada dalam tangan khalayak, maka bermulanya kehadiran pengalaman khalayak. Meneliti kehadiran pengalaman pengarang, proses ini merupakan suatu keadaan yang berterusan sehingga teks selesai dibaca dan khalayak meletakkan nilai pada karya tersebut. Bermaksud, khalayak perlu melengkapkan pengalaman pembacaan yang meluas sebelum bertindak selayaknya sebagai penilai, pentafsir dan memberi makna terhadap sesebuah teks.

Rumusnya, teksdealisme ialah rangkuman daripada dua kosa kata 'teks' dan 'idealisme' menjadi 'teksdealisme. Merujuk Mana Sikana (2006: 101), teori teksdealisme menyediakan empat prinsip sebagai landasan untuk mencapai tahap keunggulan iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme.

Kajian ini dilaksanakan adalah sebagai panduan kepada semua pihak yang berkepentingan kerana sebelum ini tidak ada kajian yang di buat ke arah untuk mencari falsafah cerita dan maknanya yang tersirat pada batu megalith di Luak Tanah Mengandung. Kajian seperti ini adalah perlu kerana boleh memberi pemahaman yang sebenar kepada kita semua untuk melestarikan batu tersebut dengan penuh kesedaran kerana banyak perkara yang boleh dipelajari daripada falsafah dan makna tersirat tersebut untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian dan juga bermasyarakat. Apabila tidak ada kajian seperti ini maka kita melihat masyarakat langsung tidak mempedulikan situasi dan kedudukan batu tersebut sehingga banyak yang tercabut, patah dan dirosakkan oleh binatang buas, manusia dan juga cuaca.



Rajah 1. Peta Luak Tanah Mengandung  
*Sumber: Google Map*

Cerita di sebalik batu megalitik yang ada di Luak Tanah Mengandung banyak tersimpan dalam minda tokoh-tokoh yang berada di sana dan tidak pernah dibukukan. Kebanyakan cerita disampaikan secara mulut ke mulut dan tidak dirakamkan dalam bentuk kajian yang bertulis. Pengkaji ingin mengaitkan cerita tersebut dengan kewujudan batu megalitik yang berada di Luak Tanah Mengandung dan dengan ini boleh melahirkan kefahaman dan kecintaan kepada batu tersebut dan bersemangat untuk menjaganya sepanjang masa. Cerita seperti ini juga boleh menarik minat pengkaji dan masyarakat untuk mendalami penghayatan terhadap batu megalitik tersebut. Tokoh-tokoh yang ditemu bual ialah Dato' Ahmad Awaluddin, Lembaga Kanan Luak Terachi, Dato' Khalid Ujang, Timbalan Penghulu Luak Ulu Muar, Dato' Zubir, Lembaga Suku Tanah Datar Luak Jempol dan Encik Zaini, pengkaji sejarah Jempol.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Nik Hassan Shuhaimi & Zuliskandar (2018), di beberapa tempat pedalaman negara kita masih terdapat tinggalan – tinggalan kebudayaan zaman lampau. Satu daripada peninggalan zaman Protosejarah yang penting ialah kebudayaan megalitik. Pengaruh kebudayaan megalitik tiba di negara ini dan kesan-kesannya masih terdapat di beberapa kawasan tertentu sebagai buktinya. Tinggalan-tinggalan kebudayaan ini bukannya terdapat di persekitaran kawasan pantai tetapi di kawasan pedalaman. Kajian-kajian setakat ini menyatakan bahawa sebanyak empat jenis megalitik di Malaysia iaitu empat jenis di Malaysia Timur dan tidak kurang daripada dua jenis di Malaysia Barat. Megalitik yang terdapat di Malaysia Timur adalah daripada jenis *dolmen*, *cist*, *menhir/monolith* dan *urn/burials*. Di Malaysia Barat pula terdapat jenis *cist* tetapi lebih dikenali dengan panggilan *slab-built-graves* dan *alignments*. Satu lagi jenis lagi yang dikatakan ialah *menhir*. *Menhir* juga disebut batu tegak di mana batuannya didirikan dalam keadaan menegak seperti tiang atau tugu. *Dolmen* pula ialah satu blok batu disusun membentuk meja. *Dolmen* digunakan sebagai tempat sesaji untuk pemujaan pada roh nenek moyang. Selain itu, Kubur Kepingan Batu (mungkin juga boleh disebut Kubur Batu Kepingan) atau *Slab Grave* merupakan salah satu jenis tradisi pengebumian yang diamalkan oleh masyarakat zaman prasejarah akhir. Selain batu megalitik, kebudayaan ini juga sering dikenali dengan 'Kebudayaan Batu Hidup'. Sebutan atau cerita tentang batu hidup sangat sinonim dengan tradisi kebudayaan megalitik dalam kalangan masyarakat kita khususnya masyarakat Melayu di sekitar Negeri Sembilan dan Melaka, atau mungkin masih ada kepercayaan ini juga di beberapa tempat lain. Salah satu elemen yang kukuh ialah adanya kepercayaan bahawa batuan yang bersaiz besar (batu megalitik) mempunyai 'roh', seolah-olah ia hidup. Kebudayaan megalitik pernah mewarnai sosiobudaya di merata tempat di dunia ini termasuk masyarakat di alam Melayu. Kebudayaan ini turut berkembang dan meninggalkan pengaruhnya berdasarkan penemuan batu

megalitik di negara kita. Umpamanya *menhir* banyak ditemui di sekitar Negeri Sembilan dan Melaka, namun berlainan dengan penemuan di Perak yang lebih menonjolkan penemuan kubur kepingan batu. Begitu juga dengan penemuan di Sabah dan Sarawak yang turut menampilkan penemuan sejumlah *menhir* dan *dolmen* menambahkan lagi fenomena kebudayaan megalitik di negara kita.

Zuliskandar Ramli et al. (2019) telah memfokuskan tentang kebudayaan megalitik yang wujud di Negeri Sembilan. Objektifnya membincangkan pandangan masyarakat tentang kebudayaan megalitik dan juga taburannya dengan menggunakan kaedah *Geographical Information System*. Kajian Adnan Jusoh et al. (2018) pula memfokuskan kebudayaan megalitik di Semenanjung Malaysia khususnya di Negeri Sembilan, Melaka dan Perak. Dapatan kajiannya wujud pelbagai perspektif masyarakat terhadap batu megalitik. Antaranya ialah konsep pada batu ada ‘roh’ dan seolah-olah hidup. Realitinya wujud upacara ritual, sajian dan penyembahan. Melalui kajian yang sebelumnya ini terutama tentang batu megalitik yang terdapat di Negeri Sembilan, didapati belum ada yang mengkaji tentang, ‘Falsafah Cerita dan maknanya yang tersirat pada batu megalitik di Luak Tanah Mengandung.’ Jadi sebab itulah pengkaji memfokuskan kajian terhadap tajuk yang dinyatakan tadi.

Batu megalitik ini dibentuk menggunakan pahat dan baji dan ianya diambil di perkampungan batu yang mana orang Negeri Sembilan menyebutnya sebagai ngarai. Batu ini diwujudkan oleh pakar-pakar pada ketika itu yang memahat dan membajinya mengikut kedudukan dan taraf si mati yang telah meninggal dunia. Jika si mati tersebut seorang tokoh yang besar seperti raja, undang ataupun penghulu maka kedudukan batunya besar secara berpasangan. Jika si mati itu ialah rakyat biasa, maka batu tersebut dibuat dan dibentuk dalam kedudukan yang kecil dan rendah. Ngarai atau perkampungan batu ini biasanya terletak di lereng-lereng bukit menganjur dari bawah sampai ke puncak bukit dan sehingga satu tahap batu-batu ini juga digunakan untuk membuat tempat duduk serta tiang-tiang istana atau rumah.



Gambar 1. Ngarai (Perkampungan Batu Tempat Asal Batu Megalith)

*Sumber:* Mohd Rosli Saludin

Kadangkala batu ini letak duduknya berhampiran dengan aliran air yang mengalir di bawah batu tersebut dan situasi seperti ini dipanggil Arai.



Gambar 2. Arai (Air Mengalir Bawah Batu)  
*Sumber:* Mohd Rosli Saludin

Sebenarnya orang yang mengendalikan batu tersebut adalah seorang yang pakar dan faham nilai seni yang tinggi. Contohnya, orang tersebut akan membentuk batu-batu ini mengikut status tokoh yang meninggal dunia. Misalnya, di tapak megalitik Pengkalan Kempas batu yang tegak tinggi tersebut diukir melalui tiga tahap. Tahap yang pertama (atas) menceritakan hubungan manusia dengan Allah. Tahap kedua (tengah) menceritakan hubungan manusia dengan manusia. Tahap ketiga (bawah) menceritakan hubungan manusia dengan alam. Jika diteliti, secara mendalam ukiran itu mempunyai makna dan falsafah yang tersendiri dalam kehidupan kita sebagai manusia di muka bumi ini. Bolehlah dianggapkan kewujudan batu tersebut seolah-olah sama seperti sebuah kitab untuk diketahui oleh masyarakat kemudiannya dan boleh dipelajari ilmu-ilmu yang tersirat. Contoh di sebelah atas terpahat kalimah Allah dan ini jelas kewujudan batu ini menegaskan bahawa betapa pentingnya 'Adat Bersendikan Syarak, Syarak Bersendi Hukum, Hukum Bersendi Kitabullah' (Dato' Ahmad Awaluddin, Kg. Padang Lebar Terachi, 2 Januari 2021).

## OBJEKTIF KAJIAN

Oleh yang demikian, tujuan atau objektif kajian ini adalah untuk mengkaji falsafah cerita dan makna di sebalik batu megalitik yang terdapat di Luak Tanah Mengandung. Selain itu, kajian ini dapat mengenal pasti pengaruh falsafah cerita dan makna pada batu megalitik terhadap adat, budaya dan warisan masyarakat Luak Tanah Mengandung. Setelah itu, daripada dapatan yang diperolehi, dapatlah dicadangkan usaha untuk melestarikan batu megalitik supaya ianya kekal sepanjang zaman.

## JENIS MEGALITIK DI NEGERI SEMBILAN

Men (batu), hir (berdiri). *Menhir* adalah batu tegak yang dicirikan seongkah batu sama ada telah dilakukan sesuatu atau secara semula jadi yang didirikan secara tegak atau berdiri. Jenis *menhir* berdiri tunggal, berpasangan, berkelompok dalam suatu bulatan dan *menhir* yang berukir. Secara harfiahnya, kebudayaan megalitik adalah merujuk kepada perkataan Yunani di mana 'Mega' bermaksud 'Besar' dan 'Lith' bermaksud 'Batu'. Kombinasi dua perkataan tersebut membentuk 'Megalith' atau 'Megalitik' iaitu penggunaan batu besar dalam kehidupan masyarakat silam khususnya masyarakat pada zaman logam dan selepasnya. Sebahagian besar tinggalan kebudayaan megalitik dibina dengan susunan batuan monolit atau andesit yang memiliki ukuran relatifnya bersaiz besar seperti *menhir* atau *dolmen* (Adnan Jusoh et al. 2018).

Abd Karim Sidek berkata terdapat 50 tapak megalitik di daerah ini sama ada di tepi jalan utama Kuala Pilah-Seremban atau di bahagian pedalaman Terachi antaranya di Kampung Talang, Kampung Parit Tengah, Kampung Kundang Kiri, Kampung Masjid, Kampung Padang Lebar dan Kampung Godang. Batu ini juga banyak terdapat di daerah Tampin dan Rembau dan ia juga

menunjukkan seseorang itu juga dapat dilihat melalui cara dan kedudukan batu itu ditanam (Harian Metro, 15 November, 2014: hal. 5).

### **Kebudayaan Megalitik**

Kebudayaan megalitik masih lagi merupakan satu kebudayaan misteri bukan sahaja di negara ini malahan di seluruh dunia. Pelbagai kajian telah dijalankan namun penjelasannya masih kabur. Terdapat banyak perbezaan pandangan mengenai pentarikan dan kewujudan megalitik itu sendiri.

Penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Semenanjung dikatakan berlaku beberapa kali melalui rombongan berperingkat-peringkat daripada beberapa daerah di Sumatera. Namun masyarakat Minangkabau ini telah datang ke Nanning dahulu sekitar abad ke-16 (Buyong Adil 1951: 142).

### **Tapak Kubur**

Anggota masyarakat khususnya golongan tua menganggap megalitik mempunyai perkaitan dengan tapak kuburan. Persepsi ini disebabkan reputasinya yang seringkali dikaitkan dengan penemuan sejumlah megalitik khususnya di kawasan perkuburan orang Islam. Umpamanya, ada sesetengah megalitik atau batu hidup yang terdiri daripada repihan batu granit yang ditanam berpasangan seperti di kawasan perkuburan orang-orang Islam.

### **Megalitik dan kepercayaan masyarakat Negeri Sembilan**

1. Dianggap sebagai kubur nenek moyang.
2. Batu Hidup dipercayai semakin tinggi dari masa ke semasa.
3. Megalitik mempunyai pelbagai nama seperti Dato' Putih, Dato' Bauk, Dato' Sutan Karu mengikut mitosnya.
4. Dianggap keramat dan mempunyai kuasa-kuasa tertentu.
5. Dilarang melanggar pantang larang bagi mengelakkan bencana.
6. Bernazar atau membayar niat pada megalitik yang dianggap suci.

### **Tradisi Pemujaan**

Budaya megalitik ini mempunyai hubungan yang rapat dengan penghormatan dan pemujaan nenek moyang. Ia berfungsi sebagai penghubung antara dua pihak. Perpaduan yang terbentuk dan peningkatan hasil pertanian yang membawa kemakmuran setelah melakukan ritual pemujaan memperkuat lagi kepercayaan masyarakat. Pada masa lampau adat berpuar atau pertahunan yang berhubung kait dengan persekitaran batu yang dianggap keramat. Adat yang menggunakan jampi dan mantera bercampur dengan ayat suci al-Quran mendoakan benih (padi) agar terus subur dan mampu mendatangkan hasil yang banyak. Walaupun pada ketika ini tiada lagi amalan ini dilakukan, namun jika masih ada yang melakukannya sekalipun sudah pasti cara persembahannya juga telah berbeza dan akan patuh pada syariah dengan bertahlil, berdoa, bersembahyang dan diakhiri dengan jamuan makan beramai-ramai bersama-sama penduduk kampung. Elemen pemujaan secara tidak langsung adalah gambaran atau suasana 'hidup' megalitik tersebut (Ismail Hadi 1987: 78).

Tapak batu megalitik mempunyai nilai sejarah yang tinggi sebenarnya berada dalam keadaan berselerak di Kuala Pilah, terutama di kawasan Terachi dengan sebahagiannya berada di atas tanah milik individu. Terdapat 300 tapak batu megalitik atau lebih dikenali sebagai 'Batu Hidup' di Negeri Sembilan dengan 70 daripadanya terletak di Kuala Pilah dan isunya, batu ini agak terbiar kerana kurang faham masyarakat tentang falsafah yang tersirat di sebalik batu tersebut (Berita Harian, 21 November 2017, hal. 10).



Batu Megalitik mempunyai kaitan rapat dengan masyarakat Minangkabau yang bergerak daripada tanah seberang khususnya di Pagar Ruyung dan beberapa daerah lain di Sumatera. Batu ini dijadikan sebagai nadi dalam setiap aktiviti budayanya. Kehadiran batu megalitik di Luak Tanah

Mengandung adalah lambang kepada ideologi, sosial dan ekonomi rakyat dan juga berkaitan dengan semangat, keramat dan menganggap bahawa fungsi megalitik di kawasan tersebut sebagai lambang peringatan. Di samping itu, batu ini dijadikan oleh masyarakat untuk membayar nazar, membuat kenduri, meminta keselamatan dalam perjalanan, membuka tanah, menanam padi, menebang pokok, mengelakkan daripada penyakit dan kecelakaan.


Malah yang paling jelas, masyarakat menganggap batu hidup ini sebagai batu kubur memandangkan kebanyakan batu ditemui dalam keadaan berpasangan. Hanya perlanggaran bentuk batu megalit di Pengkalan Kempas (bentuk pedang, sudu, kemudi). Sebagai pengukuhan, batu megalit berfungsi sebagai lambang memorial kepada seseorang individu. Keunggulan batu megalitik di Negeri Sembilan mempunyai “semangat” dan ia juga sebagai kubur nenek moyang, yang menganggap juga sebagai keramat. Ada juga yang menganggap ia sebagai batu hidup. Unggulnya kebudayaan zaman batu megalitik di Negeri Sembilan amat menakjubkan.

#### Jadual 1. Catatan Penyelidikan




15 & 16 Oktober 2020

Responden	Maklumat Responden	Tempat	Catatan
Pengkaji		Kampung Ulu Gachong  Gambar 4. Makam Tok Kamat <i>Sumber: Mohd Rosli Saludin</i>	Batu Besar-Lelaki Tanah Naik dan tinggi – Tokoh dan Darjat  Tok Kamat Belah kanan Mati ambil madu lebah  Batu Hidup 1700 tahun Hakis hakis akan naik Hutan yang pertama Hutan banat Batu granit asal tempat ngarai kubur
Saeram Bt Manat	90 Tahun	Kampung Ulu Gachong  Gambar 5. Kubur Minah Bt Doyah <i>Sumber: Mohd Rosli Saludin</i>	Kubur (Minah Bt Doyah)-emak Ayah meninggal dunia Dalam kampung Saeram Bt Manat



Dan Bin Dahan	1941	Cheriau	<p>Makam Pechok-Pawang Anak ... Pokok Sena Lilit Kain Merah Pasang Bendera Bayar .... nak tanam padi Tahun 60 Tok Sohor Bukit Pupui Harimau terkam, makan dek harimau Tanah suku selemak bagi suku tanah datar 2 orang (Zainab) Zainab Tapau ngan kari &amp; kepala Harimau gali makan Tongkat dapat tembak</p>
			
<p>Gambar 6. Makam Tok Sohor <i>Sumber:</i> Mohd Rosli Saludin</p>			
Pengkaji	Perkuburan Ulu Gachong	<p>1760 1824 Cerita Lisan Sheikh Abdullah Sani yang warak Besar dan cantik Tokoh yang hebat</p>	
			<p>Makam keramah mengangkat martabat 1773 – Raja Melewar Ngarai dipahat Tok Dioh – Pagarruyung-Wali Songo Orang Asal</p>
<p>Gambar 7. Makam Raja Melewar <i>Sumber:</i> Mohd Rosli Saludin</p>			
Pengkaji	Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas	<p>Batu tulisan Allah  Batu Kanan Fauna</p>	

3 April 2021

Responden	Maklumat Responden	Tempat	Catatan
Pengkaji		Kampung Mungkal Mudik Kanan	<b>Makam Tok Kaya</b> , memang kaya kahwin dengan Tok Manggis, Hebat dari segi ilmu, Ada pokok enau dan pokok mengkudu Datang membentuk kerajaan kecil dari awal kerajaan melewar, 600-7000 tahun dahulu Ada rumah tradisi di depannya Dikemaskan dan dicantik oleh anak cucu cicit Lestarikan makam, jati diti berjuang dengan harimau dan gajah, pejuang tanah cucu cicit Jejak waris atas pusako, jejak pusako atas harto pusako Naik kereta kuda singgah Sri Menanti
			
		Gambar 8. Makam Tok Manggis <i>Sumber: Mohd Rosli Saludin</i>	
			
		Gambar 9. Makam Tok Kaya <i>Sumber: Mohd Rosli Saludin</i>	
Pengkaji		Kampung Padang Lebar	<b>Makam Bidan Tujuh</b> Ada seorang bidan perempuan, bukan 7 orang bidan Ada pengikut-pengikut setia. Hierarki paling tinggi Seni Perubatan bergantung kepada herba dan ada kitab-kitab lama Orang Asal yang mewarisi kitab-kitab lama ini sama seperti di Naning, Dol Said Perubatan tradisi yang maju ketika itu, fizikal dan rohaniah untuk pembesar ketika itu. 7 bermaksud 7 ayat dalam Surah Al-Fatihah
			
		Gambar 10. Makam Bidan Tujuh <i>Sumber: Mohd Rosli Saludin</i>	

Pengkaji

Kampung Padang Lebar, Terachi



Gambar 11. Makam Rajo Sirih Senadi dan Pengikutnya  
*Sumber:* Mohd Rosli Saludin

**Makam Rajo Sirih Senadi**

Tiang Pecah 8  
 Bentuk Batu Unik, Putih  
 Tanahnya Hidup

**Makam Orang Agama Tok Sampin****Makam Laksamana Awang Daik Selempang Hitam**

**Makam Puteri Cempaka Biru,**  
 batu lurus ke bawah, bermakna perempuan

Telah wujud kerajaan lama 500 tahun dulu

Asal daripada Jambi, ada hubung kait dengan kerajaan Kelantan

Pengkaji



Gambar 12. Makam Tok Patah  
*Sumber:* Mohd Rosli Saludin

**Makam Tok Patah**

Cerita lisan orang tua-tua Batu hidup. batu naik, selepas itu patah, selepas itu naik, selepas itu patah. Masyarakat menggelarkan makam Tok Patah.

Tokoh Hebat, Warak, Ilmu Tinggi Masa hendak buka kawasan Terachi, berlawan dengan gajah

Terlibat dengan Perang Bukit Putus 1875, maknanya Tok Berumur 100 tahun.

Kawasan Lembah sesuai kawasan penempatan

Luak Tanah Mengandung, Ketuanya Yang

Batu Besar orang ada kedudukan Batu Kecil, Pengikut

**FALSAFAH CERITA DAN MAKNANYA DISEBALIK BATU MEGALITH**

Batu megalitik ini agak terbiar dan banyak yang sudah tercabut dan tidak dijaga dengan baik kerana kurang pemahaman falsafah dan makna yang tersirat. Mereka tidak tahu bahawa di sebalik batu ini ada tokoh yang terhebat sudah disemadikan di situ. Ketidaktahuan ini menyebabkan batu itu terbiar dan tidak dipedulikan. Pemimpin masyarakat pula tidak mampu mendidik ke arah kebaikan untuk menjaga batu itu dengan baik. Pemimpin sepatutnya selari seperti pantun di bawah untuk kita jadikan renungan bersama.

Pilih-pilih tempat menjadi  
 Pertama teluk kedua pantai  
 Pilih-pilih pemimpin terpuji  
 Pertama elok kedua pandai

(Abdul Karim Mansor, Seremban, 10 Mei 2021)

Kita ambil contoh kehadiran makam Tok Patah di Kampung Godang Terachi dan jelas adalah Tok Patah itu sendiri yang pernah berjuang di Bukit Putus, Negeri Sembilan menentang Inggeris yang cuba menakluk Negeri Sembilan. Makam ini terletak di atas tanah yang kelihatan

tinggi dan hidup tanahnya. Di kelilingi juga oleh makam pengikutnya dan kehebatannya batu makam Tok Patah akan patah bila naik tinggi menjulang dan akan tumbuh semula kerana aura amalannya yang baik semasa hidup. Perlanggaran Tok Patah ini juga berjuang semasa zaman Yamtuan Antah melawan Inggeris di Bukit Putus. Beliau sangat hebat ilmu perangnya dan berjaya mengumpulkan ramai pahlawan dari Terachi untuk berjuang sama. Perjuangan ini di kukuhkan lagi apabila berjaya mempertahankan Yamtuan Antah dan keunggulannya berbincang dengan Inggeris secara damai dan telah berjaya menjadi Yamtuan Seri Menanti sahaja. (Samah Katas, Kampung Godang, Kuala Pilah, 11 Mei 2021).

Kehadiran batu megalitik Yamtuan Antah dan pembesarnya yang berada di Luak Gunung Pasir tidak diketahui oleh orang tentang cerita, falsafah, adat, budaya dan warisannya. Kehadiran batu ini adalah di halaman sebuah rumah lama dan selalu dihadiri oleh ramai pengkaji. Perlanggaran ceritanya muncul bersama batu-batu megalitik lain di Luak Gunung Pasir dan akhirnya disampaikan cerita ini oleh penyimpan cerita bahawa Yamtuan Antah ketika penghujung hayatnya telah duduk di Gunung Pasir kerana hendak berubat sakit ganjil yang dialaminya. Ketika di situ baginda benar-benar mengukuhkan diri untuk menyatukan orang Melayu ketika itu dan mahu penyakitnya supaya kembali sembuh. Baginda bersuluk di situ dan sering ke sungai di belakang makam itu untuk mandi mengukuhkan dan memulihkan diri bersama pengikut dan pembesarnya. Unggulnya cerita ini makamnya dirahsiakan dan pembesarnya yang meninggal dunia juga dimakamkan di situ untuk menggambarkan betapa unggulnya taat setia terhadap Yamtuan Antah (Tuanku Ahmad Husaini Hamzah, Seremban, 2020).



Gambar 13. Makam Raja Antah dan Pembesarnya  
Sumber: Mohd Rosli Saludin

Zaman Yamtuan Antah telah wujud Penghulu Luak Ulu Muar iaitu Penghulu Naam yang merupakan anak murid kepada Syeikh Ibrahim dan Inggeris yang pernah membakar masjid di Seri Menanti. Syeikh Abdul Karim pernah berjuang bersama Penghulu Naam. Malah ianya pernah hidup lebih daripada 100 tahun. Beliau juga menyandang jawatan sebagai Tiang Balai iaitu orang yang berperanan dalam pelantikan raja. Namun begitu akhirnya Penghulu Naam menyokong Tuanku Ahmad Tunggal kerana Raja Antah sebenarnya cenderung dengan Inggeris. Akhirnya, zaman Raja Antah berakhir apabila baginda bersuluk di Gunung Pasir dan dimakamkan di sana. Keunggulannya batu makam adalah dibuat daripada batu megalitik yang diambil dari perkampungan batu (ngarai) yang terdapat di tepi bukit (Mohd Rosli Saludin 2019: 104). Batu megalitik yang digunakan untuk makam Raja Antah sebelah hujung dan pembesarnya di bahagian hadapan dan dari segi nyatanya kini adalah adat penyusunan batu dari pembesar kepada raja.

Hadir juga makam Tok Sikai di Kampung Sikai, Gunung Pasir. Tokoh ini bernama Syeikh Bashir seorang ulama yang datang dari Yamen dan perlanggarannya telah berkahwin dengan perempuan tempatan yang berada di situ. Pengukuhan tokoh ini jadikan ia seorang yang sangat mahir dengan ilmu perubatan tradisi Melayu dan seangkatan dengan Dato' Dol Said yang berada di

Naning, Melaka ketika itu. Keunggulan beliau seorang wali dan banyak menyimpan kitab perubatannya yang ada kaitan dengan herba di hutan. Makamnya di tepi sebatang sungai dan terletak di bawah pokok besar dan batu makamnya diambil dari sungai tersebut. Sikai ini bermaksud rotan yang daunnya boleh dibuat atap. Biasanya yang pandai buat atap tersebut adalah orang asal dan ini menunjukkan Tok Sikai ini berkahwin dengan orang asal yang ada di sana (Kamus Dewan edisi keempat 2010: 1491).



Gambar 14. Tuan Syeikh Haji Bashir (Tok Sikai/Pawang 7)  
*Sumber:* Mohd Rosli Saludin

Kehadiran batu megalitik Syeikh Abdullah Sani Tajudin di makam Gachong juga sangat menarik ceritanya dan kehadiran tokoh wali ini muncul dengan pengikut yang hadir kerana batunya diletak bersebelahan dengan makamnya. Pengukuhan batu ini kerana ia terletak tinggi dari makam yang baharu dan nampak sedikit kelainan. Keunggulan tokoh ini kerana ia adalah kelahiran dari Sulawesi mengembangkan Islam ke sini. Lahir 1760 dan meninggal dunia pada tahun 1824. Meninggal dalam usia 60 tahun.



Gambar 15. Makam Syieh Abdullah Sani Tajudin  
*Sumber:* JKKN Negeri Sembilan

Setiap batu megalitik yang hidup ini ada ceritanya yang tersendiri dan ini yang perlu dirakamkan dan ditulis untuk menjadi bahan sejarah dan menjadi kemegahan anak cucu cicit yang ada sekarang. Jika tidak dipelihara dengan baik dan ini akan menjadi kerugian besar kepada kita semua untuk dijadikan bahan rujukan penting.

## **PENGARUH FALSAFAH CERITA DAN MAKNANYA PADA BATU MEGALITIK TERHADAP ADAT, BUDAYA DAN WARISAN LUAK TANAH MENGANDUNG**

Keunggulan makam Tok Patah yang terletak di Kampung Godang, Luak Terachi menjadikan tempat itu terkenal kerana masyarakat mula tahu bahawa yang membuka tempat tersebut adalah Tok Patah. Cerita ini tersebar secara lisan melalui penceritaan masyarakat tempatan kepada pelancong yang datang melawat. Mereka bangga selain Tok Patah berjuang dalam Perang Bukit Putus, beliau juga adalah pemimpin yang membuka Kampung Godang dan ia menjadi patah badannya kerana berjuang melawan gajah yang merosakkan tanaman di kampung tersebut.

Tok Patah ini telah pun berjasa semenjak zaman Yamtuan Radin, dan adalah diakui Luak Terachi tidak terbentuk sebelum kedatangan Raja Melewar. Alasan ini boleh diambil kira kerana Luak Terachi tidak termasuk dalam pakatan pembentukan sembilan negeri yang dikenali Negeri Sembilan pada tahun 1773 di bawah pemerintahan Raja Melewar. Kemenangan Penghulu Bongkok Malik mengalahkan Sungai Ujong telah menjadikan Raja Radin naik dan Luak Terachi di bawah Ulu Muar dan Sungai Ujong keluar dan membentuk Luak Terachi (Abdul Samad Idris 1994: 154).

Zaman kenaikan Raja Antah adalah zaman pelanggaran kerana berlaku perang dengan Tuanku Ahmad Tunggal untuk merebut tampuk Yamtuan Negeri Sembilan. Pelanggaran ini menyebabkan berlaku perang Bukit Putus iaitu episod titik hitam dalam sejarah Negeri Sembilan. Hasil campur tangan Maharaja Abu Bakar Johor dan berjaya meyakinkan Inggeris, kuasa Yamtuan dikukuhkan di Seri Menanti sahaja, maka naiklah Raja Antah sebagai Yamtuan Seri Menanti dan Tuanku Ahmad Tunggal terpaksa membawa diri dan hidup dalam tidak dikenali sebagai rakyat jelata di Anak Air Penghulu Jempol. Buktinya wujud warisan jawatan Lembaga Suku Tanah Datar di Jempol.

Raja Antah hanya diserahkan kawasan Seri Menanti sebagai syarat sahaja. Logiknya baginda tidak boleh berbuat apa-apa kerana pentadbiran Negeri Sembilan adalah di bawah kekuasaan Inggeris semata-mata. Boleh dikatakan di mana-mana sahaja Inggeris campur tangan dalam Negeri-Negeri Melayu kuasa rajanya adalah terbatas. Melalui cara ini dapatlah Inggeris mencengkam kuku penjajahannya lebih kukuh ke atas tengkuk bangsa Melayu. Pembesar-pembesar Melayu juga tidak boleh berbuat apa-apa setelah kuasa rajanya dapat dikuasai oleh Inggeris (Abdul Samad Idris 1987: 101).

Kehadiran batu megalitik di tanah perkuburan Mungkal Seberang, Seri Pilah dalam Luak Ulu Muar telah mewujudkan banyak batu di situ daripada peringkat pertengahan hinggalah ke sebelah atas. Tidak kurang daripada 22 buah batu megalitik di peringkat itu. Pelanggaran kisah batu itu telah mewujudkan satu batu yang istimewa di puncak bukit. Batu megalith ini telah dijadikan tanda makam Tok Manggis iaitu pembuka Kampung Mungkal Seberang. Pengukuhan beliau telah berkahwin dengan Tok Kaya yang kuburnya berbentuk batu megalitik di sebelah hujung kuburan tersebut. Batu megalitik tersebut berpasangan dan agak kukuh daripada batu yang lain. Semasa hayat Tok Manggis, beliau pernah berkata bahawa makamnya nanti jangan didekatkan dengan Makam Tok Kaya kerana keduanya ini mempunyai ilmu dan pengalaman yang cukup tinggi. Tok Kaya dan rombongan datang dari Muar dan sampai ke Melaka 600 tahun dahulu dengan menaiki kereta kuda ke Kampung Mungkal Seberang. Keunggulannya terdapat juga bukti rumah Tok Kaya sebelah hulu dan rumah Tok Manggis di sebelah hilir. Rumah ini masih tegap hingga sekarang.



Gambar 16. Makam Tok Manggis  
*Sumber:* Mohd Rosli Saludin



Gambar 17. Makam Tok Kaya  
*Sumber:* Mohd Rosli Saludin

## **USAHA-USAHA MELESTARIKAN BATU MEGALITIK DI LUAK TANAH MENGANDUNG**

Terdapat banyak usaha untuk melestarikan batu megalith di Luak Tanah Mengandung. Misalnya pihak Muzium Budaya Negeri Sembilan dengan bantuan Institut Alam dan Tamadun Melayu (Zuliskandar Ramli et al. 2019) telah membuat pemetaan terhadap batu megalitik ini. Semuanya direkodkan supaya setiap batu itu diketahui di mana tempatnya dan juga adalah tujuan untuk menjaganya supaya tetap dapat ditatap pengkaji dan anak cucu cicit pada masa yang akan datang. Batu megalitik yang terdapat di Negeri Sembilan kebanyakannya berada dalam kawasan persendirian dan pemilik yang mendukung Adat Perpatih. Hal ini menjadi tanggungjawab individu dalam memelihara tapak warisan ini yang berada dalam kawasan tanah mereka. Pemeliharaan tapak megalitik ini perlu supaya dapat mengekalkan sejarah warisan nenek moyang yang telah ditinggalkan. Selain itu, supaya tradisi ini diketahui oleh generasi akan datang dan tidak dilupakan begitu sahaja. Perkara ini berlaku disebabkan tiada yang pernah menceritakan perihal batu megalit yang berada di kawasan tanah mereka. Kerjasama daripada pihak tertentu seperti kerajaan, daerah, muzium dan masyarakat sendiri memainkan peranan bagi memelihara tapak megalitik supaya ianya dapat dikekalkan. Selain itu, dana khas atau peruntukan perlu disediakan sama ada dari segi kewangan dan tenaga kerja bagi menjamin kebersihan kawasan tapak serta supaya tapak megalitik tidak musnah disebabkan faktor persekitaran. Di samping itu, pemantauan yang kerap perlu dilakukan sama ada oleh penduduk mahupun pihak berwajib supaya kawasan tapak dapat dikekalkan dan tidak dimusnahkan. Papan tanda 'Tapak Megalitik Masyarakat' perlu dinaikkan kerana masyarakat semakin tidak tahu dan tidak mempedulikan kewujudan tapak megalitik.

Di samping itu kerajaan Negeri Sembilan juga telah bercadang untuk memindahkan batu megalitik yang berada di Luak Tanah Mengandung ke Pengkalan Kempas yang telah dijadikan sebagai pusat batu megalitik. Penubuhan pusat ini adalah bertujuan untuk menjaga batu tersebut daripada terbiar dan rosak dan ia juga boleh menarik pelancong untuk datang ke Pengkalan Kempas sebagai pusat pelancongan dan juga sebagai pengkaji. Usaha-usaha ini jika diteruskan lagi mesti memberi pemahaman kepada penduduk Luak Tanah Mengandung untuk kebaikan dan meningkatkan lagi kedatangan jumlah pelancong. Dani Salleh (2008) menyenaraikan tumpuan aktiviti pelancongan di negeri-negeri tertentu berdasarkan beberapa produk utama yang menjadi daya tarikan iaitu: i. Produk berasaskan sumber alam semula jadi ii. Produk berasaskan kebudayaan dan adat setempat iii. Produk berasaskan kegiatan membeli-belah (produk-produk tempatan) iv. Produk berasaskan bahan atau tempat bersejarah v. Produk berasaskan kegiatan yang berkaitan dengan pantai dan sungai.



Gambar 18. Batu Megalith Pengkalan Kempas  
*Sumber: Google*

## KESIMPULAN

Warisan budaya tradisional penting sebagai lambang identiti sesuatu masyarakat dan negara yang bertamadun serta asal-usul sesuatu masyarakat dapat diketahui daripada warisan budaya. Salah satu warisan budaya yang semakin pupus ialah budaya megalitik yang merupakan pengamalan batu besar dalam kehidupan masyarakat dahulu. Tidak rugi jika batu megalitik ini dijaga dengan baik kerana banyak manfaatnya sebagai sumber sejarah, budaya dan warisan. Kerja merakamkannya dalam bentuk apa jua bahan adalah sangat perlu supaya boleh didedahkan kepada generasi muda kini dan sejarah ini boleh berpanjangan sepanjang zaman. Kekalkan batu ini di tempat asalnya, dijaga dengan baik dan kita boleh belajar daripada sejarah alam sekelilingnya yang pernah berlaku.

Usaha-usaha memelihara batu Megalitik di Luak Tanah Mengandung harus dibuat secara terancang dan tersusun dan janganlah dibiarkan begitu sahaja. Batu ini kebanyakannya adalah di tempat persendirian dan oleh sebab itu, ketua adat dan ketua kampung harus memainkan peranan untuk anak buah masing-masing menjaga batu ini dengan baik. Batu ini jika dijaga dengan baik dan masyarakat faham akan cerita dan makna di sebaliknya maka mereka akan lebih bersemangat untuk melestarikannya. Setiap batu megalith yang penting perlu diletakkan tanda penceritaannya supaya boleh menjadi perasaan ingin tahu kepada pengunjung dan juga pengkaji. Jika tiada tanda penceritaan seperti itu menyebabkan kita kehilangan punca untuk mengetahui cerita yang sebenar kerana tokoh yang tahu ceritanya ramai yang sudah meninggal.

## RUJUKAN

- Abdul Samad Idris. 1994. *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram Luak Tanah Mengandung*. Seremban: Muzium Negeri Sembilan.
- Abdul Samad Idris. 1987. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn Bhd.
- Adnan Jusoh, Yunus Sauman@Sabin, Ruzairy Arby & Zuliskandar Ramli. 2018. Kebudayaan Megalith Di Semenanjung Malaysia dari Perspektif Sosiobudaya dan Etnoarkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 31(1): 1-18.
- Berita Harian*. 21 November 2017.
- Buyong Adil. 1951. *Sejarah Alam Melayu*. Tanjong Malim: SITC
- Dani Salleh. 2008. Sungai sebagai alternatif produk pelancongan di Negeri Kedah. Dlm. Mohamad Sukeri Khalid, Rohana Yusof, Mohamad Mustafa Ishak, Abdul Rahman Aziz, Mohd. Fo'ad



- Sakdan & Shafee Saad, *Kedab 100 tahun 1900-2000: Isu-isu Politik dan Sosio-ekonomi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Harian Metro*. 15 November, 2014: hal 5.
- Ismail Hadi. 1987. Adat Berpuar. *Jurnal Warisan: Jurnal Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan* 12.
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 2008. Kepengarangan Masuri S.N. Seminar Masuri S.N. Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu. Universiti Teknologi Nanyang, Singapura
- Mana Sikana. 2008. *Intan karya Abdullah Husain: Satu buraian teori teksdealisme, Abdullah Husain dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 2006. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 2006. Tamu di Bukit Kenny karya Usman Awang daripada perspektif teori Teksdealisme. Seminar Pemikiran SN Usman Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 2001. *Konsep dan Semangat Patriotisme dalam Drama Melayu Moden, Globalisasi dan Patriotisme dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 1996. *Teori Teksdealisme*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Rosli Saludin. 2019. *Sejarah Raja Negeri Sembilan*. Kuala Pilah: Telapak Warisan.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Zuliskandar Ramli. 2018. *Prasejarah dan Protosejarah Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuliskandar Ramli, Shamsuddin Ahmad, Siti Salina Masdey, Natasha Edreena Mohamad Nasruddin, Nur Farriehah Azizan, Muhammad Shafiq Mohd Ali. 2019. Pemetaan Tapak Megalith Di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, Darul Khusus. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 32(2): 77- 126.

## Temubual

Abdul Karim Mansor, Seremban,  
Dato' Ahmad Awaluddin, Kg Padang Lebar Terachi.  
Samah Katas, Kampung Godang, Kuala Pilah  
Tuanku Ahmad Husaini Hamzah, Seremban.

Mohd Rosli Saludin (Ph.D)  
Felo Penyelidik Kanan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor  
E-mel: dmohdroli@ukm.edu.my

Farah Damayanty Ahmad  
Penolong Pengarah,  
Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara  
Negeri Sembilan  
Email: faramat82@gmail.com

Diserahkan: 20 Mei 2021  
Diterima: 10 Ogos 2021  
Diterbitkan: 30 September 2021